

TUAN GURU HAJI ABDUL RAHMAN: TOKOH ULAMA KELANTAN

TUAN GURU HAJI ABDUL RAHMAN: SCHOLARS OF KELANTAN

Ahmad Mujahideen bin Haji Yusoff¹

¹Tutor Universiti Terbuka Malaysia, emel: amy_mujahid@yahoo.co.in

Article history

Received date : 27-12-2022
Revised date : 28-12-2022
Accepted date : 15-2-2023
Published date : 30-3-2023

To cite this document:

Haji Yusoff, A. M. (2023). Tuan Guru Haji Abdul Rahman: Tokoh Ulama Kelantan. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 8 (52), 21 - 27.

Abstrak: Kemunculan dan kelahiran para ulama dianggap sebagai penerus dan penyambung kepada kesinambungan warisan keilmuan di bumi Melayu. Telah menetap seorang ulama hebat serta memiliki keistimewaan yang tersendiri iaitu Tuan Guru Haji Abdul Rahman bin Omar atau lebih masyhur dengan panggilan Tuan Guru Haji Rahim atau Baba Rahim Pondok Aur China, Pasir Mas, Kelantan. Namun begitu, perihal tentang tokoh ilmunan ini kurang diketahui umum kerana setakat ini tidak terdapat kajian secara langsung yang dilakukan berkaitan dengan ketokohan beliau. Oleh itu, artikel ini bertujuan untuk menerangkan sejarah hidup tokoh istimewa ini agar lebih diketahui dan dikenali ramai. Artikel kualitatif ini menggunakan metode pengumpulan data dan penganalisaan data yang melibatkan kaedah kepustakaan yang terdiri daripada bahan-bahan bercetak dan temu bual, manakala perisian N-Vivo 2.0 dalam proses penganalisan data. Artikel ini memerihalkan bahawa Tuan Guru Haji Rahim atau Baba Rahim merupakan seorang tokoh ulama Melayu masa kini yang hebat serta mempunyai banyak ilmu hasil dari pengajian beliau di Tanah Melayu dan juga Tanah Arab. Beliau telah menyebarkan ilmu agama di Kelantan khususnya dan di luar Kelantan amnya serta mempunyai ramai murid sama ada dari Malaysia dan Selatan Thai.

Kata Kunci: Tuan Guru Haji Abdul Rahman, Baba Rahim, Tokoh Ulama Kelantan, Sejarah Hidup

Abstract: The emergence and birth of scholars is considered as a continuation and extension of the continuity of scientific heritage in the Malay land. There has been a great scholar who has his own privilege, Tuan Guru Haji Abdul Rahman bin Omar or better known as Tuan Guru Haji Rahim or Baba Rahim Pondok Aur China, Pasir Mas, Kelantan. However, the details of this scientific figure are less well known because so far there has been no direct research done related to his character. Therefore, this article aims to explain the life history of this special character so that it is better known and recognized by many. This qualitative article uses data collection and data analysis methods that involve library methods consisting of printed materials and interviews, while N-Vivo 2.0 software is used in the data analysis process. This article explains that Tuan Guru Haji Rahim or Baba Rahim is a great contemporary Malay scholar and has a lot of knowledge as a result of his studies in Malaya and Arab lands. He has spread religious knowledge in Kelantan in particular and outside Kelantan in general and has many students either from Malaysia or Southern Thailand.

Keywords: Tuan Guru Haji Abdul Rahman, Baba Rahim, Scholars of Kelantan, Life History

Pengenalan

Golongan ulama adalah satu golongan yang tinggi darjatnya dan dimuliakan Allah S.W.T. kerana keilmuan yang dikurniakan Allah S.W.T. kepada mereka. Firman Allah S.W.T. dalam al-Quran (Al-Mujadilah: 58: 11):

يَرْفَعُ اللَّهُ الَّذِينَ ءَامَنُوا مِنْكُمْ وَالَّذِينَ أُوتُوا الْعِلْمَ دَرَجَاتٍ وَاللَّهُ بِمَا تَعْمَلُونَ خَبِيرٌ ۝ ۱۱

Maksudnya: Allah akan meninggikan orang-orang yang beriman di antaramu dan orang-orang yang diberi ilmu pengetahuan dengan beberapa darjat. Dan Allah Maha Mengetahui apa yang kamu kerjakan.

Oleh sebab itu Nabi S.A.W. telah memperakui bahawa mereka adalah pewaris para Nabi A.S. Dalam sebuah hadis *hasan* Nabi S.A.W. bersabda (Abu Dawud, 2018):

وَإِنَّ الْعُلَمَاءَ وَرَثَةُ الْأَنْبِيَاءِ

Maksudnya: Dan sesungguhnya para ulama itu adalah pewaris para nabi.

Ulama merupakan individu yang mempunyai ilmu dan budi yang luhur, memiliki semangat yang tinggi dalam menyampaikan suara kebenaran kepada masyarakat, sama ada diminta ataupun tidak. Mereka telah melakukan kebajikan itu semata-mata untuk mendapatkan keredhaan Allah Taala. Usaha yang dilakukan oleh para ulama tidak hanya kepada “*amar makruf nahi munkar*” sahaja, bahkan mereka telah menjadi tonggak penting dalam menyalurkan keperluan kepada masyarakat. Hal ini kerana masyarakat menghadapi berbagai-bagai masalah dalam menjalani kehidupan seharian sama ada dari sudut sosial, ekonomi, politik, hukum-hakam bahkan masalah individu dalam hidup berkeluarga (Nasiruddin & Hj. Tibek, 2013).

Ulama telah memainkan peranan yang besar dalam pembentukan dan pembangunan masyarakat Islam (Said Iderus, Abdul Majid & Sakat, 2016). Bahkan golongan ulama di Nusantara telah mendatangkan kesan positif dalam perkembangan ilmu Islam di rantau ini. Sumbangan ilmu telah mereka berikan kepada masyarakat yang boleh dikatakan sebagai sesuatu yang amat bernilai yang diwariskan sebagai pedoman kepada golongan selepasnya. Para ulama telah mencurahkan keringat dan sumbangan yang sangat mustahak dan berharga bagi menyebarkan mutiara pengetahuan yang menjadi teras penting agama Islam dalam menyalurkan penekanan terhadap prospek ilmu pengetahuan (Abdullah & Othman, 2011). Peranan golongan ulama dalam perkembangan ilmu Islam di bumi Melayu ini tidak boleh dinafi dan disanggah. Hal ini kerana segala bentuk usaha yang dimainkan mereka dalam menuntut ilmu pengetahuan serta mendidik masyarakat telah mendatangkan satu aura perubahan yang positif dalam kalangan masyarakat di bumi Melayu ini (Abdullah, 2000).

Perkembangan ilmu Islam di Kelantan mempunyai kaitan dengan perkembangan tokoh-tokoh ilmuan Melayu Kelantan yang telah mencurahkan khidmat dalam usaha menyebarkan ilmu dalam menyalurkan pedoman dan peringatan kepada golongan masyarakat (Ismail, 2019). Seiring dengan peredaran zaman, penyebaran ilmu khasnya ilmu agama telah semakin diterima

dalam kehidupan masyarakat. Perihal positif tersebut telah berlaku semenjak terjadinya perluasan penyebaran Islam di alam Melayu yang akhirnya telah meluas ke serata tempat termasuklah di alam Nusantara. Keadaan ini telah menjadi faktor kepada perkembangan keilmuan di pusat-pusat pendidikan seperti pondok-pondok agama (Ab. Rahman, 2007). Pusat pendidikan pondok dan para ulamanya menjadi tonggak penting kepada kemajuan dan penyebaran pendidikan Islam di negeri Serambi Mekah ini dan telah mengubah sikap dan gaya hidup masyarakat terhadap aspek keilmuan dan keagamaan. Kedudukan geografi negeri ini dan unsur-unsur sejarahnya juga telah memainkan peranan yang besar terhadap gaya hidup, pemikiran dan halatuju masyarakat negeri Kelantan (Ali, 2002).

Terdapat sebuah pondok pengajian ilmu agama yang masyhur pada kini iaitu Pondok Aur China, Pasir Mas, Kelantan. Di pondok ini telah menetap seorang ilmuan hebat yang sangat dikenali dengan ketokohan ilmunya yang dipanggil Tuan Guru Haji Rahim atau Baba Rahim (Awang, 2022). Sejak dari kecil lagi, Tuan Guru Haji Rahim hidup dan membesar dalam suasana ilmu. Beliau seorang yang tekun dalam menuntut ilmu yang menjadikan beliau seorang ulama yang masyhur pada masa kini. Beliau banyak mencurahkan khidmatnya kepada masyarakat dengan menyebarkan ilmu yang dipelajari (Abdullah, 2022). Kebiasaannya pada setiap hari, Pondok Aur China telah didatangi oleh ramai manusia dari pelbagai tempat untuk menuntut ilmu daripada beliau. Oleh sebab ketokohan beliau, ramai ilmuan sama ada dari dalam atau luar negara mengunjungi beliau untuk berbincang dan mengutip mutiara ilmu daripada beliau. (Ishak, 2022).

Namun begitu, darihal berkenaan tokoh ilmuan hebat ini kurang dikenali dan diketahui oleh masyarakat umum. Hal ini kerana sehingga kini tidak terdapat penulisan atau kajian secara langsung yang dijalankan atau dilakukan berkaitan dengan ketokohan beliau. Oleh itu, artikel ini bertujuan untuk memerihalkan sejarah hidup tokoh istimewa ini agar lebih diketahui dan dikenali oleh orang ramai.

Metodologi Kajian

Artikel ini berbentuk kualitatif yang merupakan sebuah kajian kepustakaan yang melibatkan proses pengumpulan data daripada dokumen-dokumen bercetak dan temubual serta perisian N-Vivo 2.0 dalam proses penganalisan data untuk mendapatkan hasil dapatan yang sepatutnya bagi mencapai objektif kajian ini.

Sejarah Hidup Tuan Guru Haji Abdul Rahman

Nama sebenar beliau ialah Tuan Guru Haji Abdul Rahman bin Omar. Namun beliau lebih masyhur dan mesra dipanggil Tuan Guru Haji Rahim atau Baba Rahim. Beliau adalah seorang guru agama pengajian Islam di Pondok Aur China, Pasir Mas, Kelantan (Omar, 2022). Dilahirkan di rumah keluarga beliau pada waktu Subuh hari Isnin, tanggal 14 April 1950 di Kampung Kuala Taba, Pengkalan Kubur, Tumpat, Kelantan. Kelahiran beliau telah disambut oleh seorang bidan tradisional yang berasal dari Kampung Kuala Taba yang bernama Mok Aluh (Abdullah, 2022). Beliau mempunyai lima orang adik-beradik dan merupakan anak ketiga. Nama adik-beradik beliau ialah Mohd Amin, Siti Safwa, Siti Ramlah dan Siti Fauziah. Seorang daripadanya iaitu Mohd Amin telah meninggal dunia (Abdul Rahman, 2022).

Beliau memiliki dua orang isteri yang mana isteri pertama beliau bernama Hajjah Siti Sufur binti Haji Abdullah yang berasal dari Kampung Aur China, Pasir Mas, Kelantan. Isteri pertama beliau dilahirkan pada tahun 1957. Beliau berkahwin dengan isteri pertama ini pada hari Khamis, 18 Januari 1973 di Kampung Kubang Batang, Pasir Mas, Kelantan (Abdullah, 2022).

Isteri kedua beliau pula bernama Hajjah Rohidah binti Abdul Rahman yang berasal dari Kampung Bendang Dalam, Saiburi, Fatani, Thailand. Isteri kedua beliau dilahirkan pada tahun 1963. Beliau berkahwin dengan isteri kedua ini pada tahun 1984 di Syi'ib 'Ali, Mekah semasa menuntut ilmu di sana (Abdullah, 2022).

Hasil perkahwinan beliau dengan isteri pertama telah dikurniakan seramai tujuh orang anak iaitu Siti Alawiyah, Siti Alwani, Mohd Khairul Afifi, Mohd Afif, Siti Unaizah, Siti Aqilah dan Mohd Afifuddin. Manakala perkahwinan beliau dengan isteri kedua pula telah dikurniakan seramai tiga orang anak iaitu Mohd Nizar, Ahmad Nasif dan Mohd Nazri. Melalui isteri pertama, beliau mempunyai seramai 14 orang cucu. Manakala melalui isteri kedua pula, beliau mempunyai seramai lima orang cucu (Abdul Rahman, 2022).

Beliau berkecimpung dalam ilmu agama kerana terdorong dan mendapat inspirasi daripada ahli keluarga beliau. Arwah datuk beliau iaitu Al-Marhum Tuan Guru Haji Mohammad bin Awang Kechik yang lebih dikenali dengan panggilan Tuan Guru Pakchu Awang. Datuk beliau merupakan seorang guru pondok di kawasan Telaga Lanas, Tumpat yang sezaman dengan Al-Marhum Tuan Guru Tok Selehong dan Al-Marhum Tuan Guru Haji Yusof Pulau Ubi. Datuk beliau telah menuntut ilmu bersama dengan Al-Marhum Tuan Guru Tok Selehong di beberapa buah pondok di Kampung Chak Ok dan Kampung Kuala Bekoh, Fatani, Thailand. Namun beliau tidak sempat menuntut ilmu secara formal dengan datuk beliau kerana telah meninggal dunia ketika usia beliau lima tahun. Setelah kematian datuk beliau, pengajian di pondok tersebut telah diteruskan oleh bapa beliau (Omar, 2022).

Beliau mendapat pendidikan awal di Sekolah Kebangsaan Pengkalan Kubur, Tumpat, Kelantan dan tamat darjah enam pada tahun 1963. Pada tahun 1964, beliau mula menuntut ilmu di Pondok Tuan Guru Haji Daud Geting, Tumpat, Kelantan dalam tempoh tiga tahun. Pada tahun 1966, beliau menyambung pelajaran ke Sekolah Menengah Ugama (Arab) Mahiliah, Geting, Tumpat, Kelantan. Kemudian beliau telah menduduki peperiksaan kelas tujuh arab dan mendapat Sijil Menengah Ugama (SMU). Kemudian beliau menyambung pengajian ke Pondok Lubuk Tapah, Pasir Mas, Kelantan pada tahun 1967 selama tujuh tahun dan tamat pengajian tersebut pada tahun 1973. Selepas selesai pengajian tersebut, beliau telah dikurniakan tauliah mengajar agama daripada Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK) (Omar, 2022).

Pada tahun 1973 hingga 1978, beliau telah mula berkhidmat sebagai guru agama Yayasan Islam Kelantan (YIK). Beliau bertugas di Sekolah Menengah Ugama (Arab) Mahiliah, Geting, Tumpat, Kelantan (Omar, 2022). Selepas itu, beliau berkhidmat di Sekolah Menengah Ugama (Arab) al-Ittihad, Kampung Aur China, Pasir Mas, Kelantan. Pengetua sekolah tersebut ialah mertua beliau iaitu Al-Marhum Tuan Guru Haji Abdullah. Pada masa yang sama iaitu pada tahun 1973-1978, beliau mengajar agama di Pondok Aur China, Pasir Mas, Kelantan pada waktu malam. Pada tahun 1978, beliau tidak dapat meneruskan khidmat beliau di sekolah tersebut kerana menyambung pengajian di bumi Mekah (Abdullah, 2022).

Pada tahun 1978, beliau telah melanjutkan pelajaran ke Maahad al-Haram, Masjid al-Haram, Mekah dan telah tamat pengajian di sana pada tahun 1985. Di antara guru beliau semasa menuntut ilmu di sana ialah Syeikh Abu Bakar al-Syegetti, Syeikh Ahmad al-Hindi, Syeikh Taha al-Yamani, Syeikh Ali Chaya Fatani, Syeikh Ahmad al-Syegetti, Syeikh Ali al-Yamani, Syeikh Yahya al-Hindi, Syeikh Wan Embun Abdul Manaf Perak dan Syeikh Daud al-Kelantani. Ketika menuntut ilmu di sana, beliau telah mempelajari pelbagai disiplin ilmu seperti Tafsir,

Hadis, Nahu, Soraf, Feqah, Tauhid Salaf, Tauhid Khalaf, Tasawuf dan Tarikh (Omar, 2022). Beliau telah kembali ke Kelantan pada tahun 1985 dan menetap di Kampung Aur China, Pasir Mas, Kelantan. Namun semangat menuntut ilmu tidak hanya setakat itu. Selepas itu beliau telah berguru dengan Tuan Guru Haji Abdul Rahman, Kampung Kebakat, Wakaf Bharu, Tumpat, Kelantan dan telah mempelajari beberapa buah kitab seperti Hikam Melayu, al-Durr al-Nafis dan lain-lain sehingga guru beliau tersebut meninggal dunia (Abdullah, 2022).

Setelah pulang ke Kelantan, beliau bergerak aktif dalam pengajaran ilmu agama. Beliau telah mengajar di Pondok Aur China, Pasir Mas, Kelantan dan di masjid serta surau di sekitar Kelantan dan Terengganu sehingga kini (Abdullah, 2022). Di Pondok Aur China, Pasir Mas, Kelantan, beliau telah mengajar pelbagai disiplin ilmu seperti Tauhid, Feqah, Tasawuf, Tafsir, Hadis, Nahu, Soraf dan lain-lain (Deraman, 2022). Antara kitab yang digunakan dalam pengajaran beliau seperti Ittihaf al-Murid, Matan Umm al-Barahin, Fath al-Mu'in, al-Iqna', Ihya' 'Ulum al-Din, al-Tahrir, al-Muhalli, Tafsir al-Jalalain, Riyadh al-Salihin, Syarah al-Arba'in al-Nawawiyah, al-Hikam (Arab), al-Hikam (Melayu), al-Durr al-Nafis, Mukhtasar Jiddan, al-Durr al-Thamin, Sulam al-Muhtadi, I'anah al-Talibin, Jauharah al-Tauhid, Qatr al-Nada, Lam'ah al-Af'al, Mughni al-Muhtaj, Siraj al-Talibin, Fath al-Rahman Syarah Ibn Rislan, al-Idhah, Lataif al-Isyarat, Kifayah al-'Awam, Syarah al-Syarqawi dan banyak lagi (Ishak, 2022).

Bermula pada tahun 2007, beliau telah diminta mengadakan kuliah agama di Kuala Lumpur dan Selangor. Beliau telah mencurahkan ilmu di beberapa buah masjid, surau dan sekolah di sana seperti Masjid al-Zubir al-Awwam, Cheras, Masjid Darul Salim, Kampung Melayu, Subang, Surau al-Muttaqin, Ulu Langat, Surau al-Ikhwan, Taman Saujana, Sungai Buluh, Sekolah Menengah Arab Paya Jaras, Sungai Buloh dan lain-lain (Ishak, 2022).

Beliau mempunyai ramai murid di serata tempat. Antara murid beliau yang masyhur ialah Baba Soh Naratiwat, Baba Haji Omar Nak Kuin Naratiwat, Baba San Fatani, Baba Mat Fatani, Baba Li Sekam Fatani, Baba Bukhari Yala, Baba Soh Kg. Jal Besar Tumpat, Haji Nik Khalid Tumpat, Ustaz Aswadi Tumpat, Ustaz Ramli Tumpat dan lain-lain (Ishak, 2022). Selain itu, beliau mempunyai ramai murid yang datang dari pelbagai pelusuk tempat untuk bermuzakarah dengan beliau antaranya dari Kedah, Melaka, Pulau Pinang dan lain-lain (Azman, 2022).

Beliau pernah berkhidmat sebagai imam tua di Masjid Mukim Aur China, Pasir Mas, Kelantan bermula pada tahun 2008 sehingga sekarang. Beliau juga pernah dilantik sebagai guru bagi Guru Takmir untuk Jajahan Pasir Mas beberapa tahun selepas beliau dilantik menjadi imam tua (Abdul Rahman, 2022). Beliau juga telah dilantik sebagai Ahli Jawatankuasa Persatuan Nahdhatul Ulama yang mana penaung persatuan tersebut ialah mantan perdana menteri Malaysia iaitu Tun Abdullah Badawi (Ishak, 2022).

Beliau seorang yang tegas, tidak suka membuang masa dan tidak suka kepada keadaan bising. Ketika berada dalam kenderaan, beliau tidak membenarkan membuka radio dan kebiasaannya beliau akan berzikir di sepanjang perjalanan (Azman, 2022). Beliau sentiasa melazimi zikir khas selepas solat fardu Subuh dan Asar. Selain suka berzikir, beliau juga seorang yang suka berpuasa sunat. Beliau sentiasa berpuasa sunat hari Isnin dan Khamis di samping pada hari-hari khusus iaitu puasa pada hari 10 Muharam, puasa pada Hari Arafah dan lain-lain (Ishak, 2022). Beliau suka memelihara haiwan pemeliharaan seperti ayam serama, ayam kapan, burung merpati dan burung ketitir yang merupakan hobi beliau. Namun beliau tidak makan haiwan pemeliharaan tersebut dan kebiasaannya beliau menghadihkannya kepada orang lain

(Abdullah, 2022). Makanan kegemaran beliau ialah Nasi Arab dan Kari manakala minuman kegemaran beliau ialah teh dan air kosong (Abdul Rahman, 2022). Dari segi pakaian, beliau seorang yang sentiasa kemas. Kebiasaannya beliau memakai kain pelikat, baju melayu, kopiah, serban, rida' dan bertongkat. Beliau lebih gemar memakai baju yang berwarna putih dan kuning langsung (Abdullah, 2022).

Beliau banyak menghabiskan masa sehariannya dengan mengajar ilmu agama. Pada setiap pagi, beliau mengajar ilmu agama di pondok beliau bermula pada jam 10.00 pagi dan tamat pada jam 12.30 tengah hari, enam hari dalam seminggu kecuali hari Jumaat. Di sebelah petang pula, beliau gunakan masa untuk mentelaah kitab dan rehat. Pada waktu malam pula, beliau menyampaikan ilmu agama di pondok beliau dan juga di beberapa tempat di kawasan Pasir Mas, Kota Bharu, Bachok dan Besut, Terengganu (Ishak, 2022).

Rutin harian beliau ialah solat Subuh berjemaah di masjid pondok beliau yang terletak bersebelahan dengan rumah beliau. Setelah selesai solat, beliau teruskan dengan membaca wirid dan solat Dhuha (Abdul Rahman, 2022). Kebiasaannya setelah selesai semua itu pada jam 8.30 pagi, beliau dikunjungi oleh masyarakat untuk mentahnikkan bayi, meminta air tawar serta mendoakan, bertanya kemusykilan agama dan lain-lain (Ishak, 2022). Lebih kurang jam 9.00 pagi, beliau balik ke rumah untuk sarapan, mentelaah kitab dan bersiap-siap untuk kelas pengajian pada jam 10.00 pagi di masjid pondok. Setelah tamat kelas pengajian sekitar jam 12.30 tengah hari, beliau menguruskan haiwan-haiwan pemeliharaan yang merupakan hobi beliau di samping rehat sementara menunggu waktu Zohor. Setelah selesai solat Zohor berjemaah di masjid pondok, beliau balik ke rumah untuk makan tengah hari dan rehat. Apabila waktu Asar, beliau solat Asar berjemaah di masjid pondok dan membaca wirid. Beliau sentiasa mengamalkan wirid khusus selepas selesai solat Subuh dan Asar (Abdullah, 2022).

Antara wirid yang diamalkan ialah Hizb al-Bahar (Tariqat Ahmadiyah), membaca surah Yaasin, selawat al-Qur'aniyyah (Syeikh Abdul Qadir al-Jailani), selawat 149, Istighfar Kabir, Tasbih, Bismillah Enam dan Zikir al-Asma' al-Husna (Omar, 2022). Setelah selesai wirid, beliau pulang ke rumah untuk mentelaah kitab dan rehat. Selepas itu, beliau bersiap-siap untuk pergi mengajar pada waktu Maghrib. Kebiasaannya beliau sampai di rumah sekitar jam 9.30-10.00 malam. Sebelum beliau bersiap-siap untuk tidur, beliau mentelaah beberapa buah kitab untuk pengajian esok hari (Abdullah, 2022).

Penutup

Kesimpulannya dapatlah disebutkan bahawa Tuan Guru Haji Abdul Rahman atau Baba Rahim adalah merupakan seorang tokoh ulama masa kini yang dihormati oleh ramai masyarakat serta mempunyai sejarah hidup yang hebat dan telah menghabiskan sebahagian daripada hidupnya bagi menuntut ilmu dan menyebarkan ilmu. Oleh sebab itu, beliau merupakan seorang tokoh yang hebat dari sudut keilmuannya dan giat menyebarkan ilmu pengetahuan kepada masyarakat. Maka semua pihak yang terlibat sepatutnya mengambil peluang untuk menimba sebanyak mungkin mutiara ilmu daripada beliau memandangkan beliau masih lagi hidup. Amat besar kerugian sekiranya ketokohan dan keilmuan beliau ini tidak diambil berat dan dibiarkan tanpa diambil manfaat daripadanya.

Rujukan

Al-Quran al-Karim.

Abdullah, N. (2022, 6 Ogos). Sejarah Hidup Tuan Guru Haji Abdul Rahman (Temu bual).

Abdullah, S. S. (2022, 5 Ogos). Sejarah Hidup Tuan Guru Haji Abdul Rahman (Temu bual).

Abdullah, S. & Othman, M. S. (2011). *Peranan dan Sumbangan Ulama 'Tiga Serangkai' dalam Perkembangan Islam dan Transformasi Sosial di Malaysia*. Prosiding Nadwah Ulama Nusantara (NUN) IV: Ulama Pemacu Transformasi Negara 2011, Jabatan Pengajian Arab dan Tamadun Islam, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor.

Abdullah, W. M. S. (2000). *Wawasan Pemikiran Islam*. Kuala Lumpur: Khazanah Fathaniyah.

Ab. Rahman, N. A. (2007). *Metodologi Penulisan Hadith Dalam Kitab Mastika Hadith Rasulullah S.A.W. Karangan Syeikh Abdullah Basmeih Dan Kawan-Kawan*. Tesis Sarjana, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Malaya.

Abdul Rahman, S. A. (2022, 4 Ogos). Sejarah Hidup Tuan Guru Haji Abdul Rahman (Temu bual).

Abdul Rahman, S. A. (2022, 5 Oktober). Sejarah Hidup Tuan Guru Haji Abdul Rahman (Temu bual).

Abdul Rahman, S. A. (2022, 20 Ogos). Sejarah Hidup Tuan Guru Haji Abdul Rahman (Temu bual).

Abu Dawud, S. A. (2018). Sunan Abi Dawud, Kitab al-'Ilm, Bab al-Hath 'ala Talab al-'Ilm, no. hadis 3641, jil. 5, Beirut: Dar al-Risalah al-'Alamiyyah, Tahqiq: Shu'ayb al-Arnauth.

Ali, A. (2002). *Peranan Ulama dalam Bidang Pendidikan Islam di Negeri Kelantan: Suatu Kajian Khusus di Antara Tahun 1940 Hingga 1990*, Jurnal Tasawwur Islam, Jilid 5, Pusat Pendidikan Islam, Universiti Teknologi MARA, Shah Alam, Selangor.

Awang, M. A. (2022, 23 Oktober). Sejarah Hidup Tuan Guru Abdul Rahman (Temu bual).

Azman, A. A. (2022, 24 Oktober). Sejarah Hidup Tuan Guru Abdul Rahman (Temu bual).

Deraman, M. Y. (2022, 25 Oktober). Sejarah Hidup Tuan Guru Haji Abdul Rahman (Temu bual).

Ishak, A. A. (2022, 24 Oktober). Sejarah Hidup Tuan Guru Haji Abdul Rahman (Temu bual).

Ismail, M. A. (2022, 24 Oktober). Sejarah Hidup Tuan Guru Haji Abdul Rahman (Temu bual).

Ismail, S. (2019). *Pemikiran Ahmad Ismail Asasi Dalam Bidang Sosial Dan Politik Di Kelantan: Penelitian Terhadap Majalah al-Hikmah*. Tesis Dr. Fal, Pusat Pengajian Bahasa Dan Pembangunan Insaniah, Universiti Malaysia Kelantan.

Nasiruddin, S. F. & Hj. Tibek, S. R. (2013). *Peranan Ulama dalam Dakwah Semasa Penjajahan Tanah Melayu*, Jurnal Al-Hikmah, Jilid 5, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor.

Omar, A. B. (2002, 2 Ogos). Sejarah Hidup Tuan Guru Haji Abdul Rahman (Temu bual).

Said Iderus, M. H., Abdul Majid, L. & Sakat, A. A. (2016). *Peranan Ulama Banjar Abad Ke-20 dalam Tradisi Penulisan Hadis Arba'ın di Banjar dan Malaysia*, Jurnal Al-Banjari, Volume 15, UIN Antasari, Kalimantan Selatan, Indonesia.